



DR 10 TAHUN 2017  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

PENGURUSAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN WISMA TRANSIT,  
KUALA LUMPUR

- KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)

**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN PRASARANA DAN KEMUDAHAN WISMA TRANSIT KUALA LUMPUR DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)</b>	1-8
2	<b>RUMUSAN &amp; SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA</b>	9-10
3	<b>AGENDA MESYUARAT</b>	
4	<b>LAPORAN PROSIDING</b>	

**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN  
BERHUBUNG PENGURUSAN PRASARANA DAN  
KEMUDAHAN WISMA TRANSIT, KUALA LUMPUR  
DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA  
(MINDEF)**

**1. PENDAHULUAN**

Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) adalah sebahagian daripada penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2014 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 6 April 2015.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 15 Mac 2017 iaitu dalam prosiding Bilangan 3/2017.

## 2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan JAN berhubung Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur di bawah MINDEF bertujuan untuk mengkaji dan meneliti isu-isu berikut:

- i. Memastikan dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dipatuhi.
- ii. Menentukan sama ada prosedur perolehan Kerajaan dibuat sewajarnya dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI.

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Pengarah Sektor Audit Prestasi II selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dalam Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur daripada MINDEF iaitu Ketua Setiausaha (KSU), Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) (Pembangunan) dan Penasihat Undang-undang (PUU) untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan

- iii. Menjemput wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

#### 4. LATAR BELAKANG

- 4.1 Pasukan 673 Kem Transit Kuala Lumpur mulanya beroperasi di Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Sebanyak 37 bangunan papan bertaraf separuh kekal digunakan bagi menempatkan pejabat, bilik penginapan dan stor pasukan.

Kemudahan di kem ini mampu menampung kapasiti 25 anggota keluarga dan 100 orang anggota bujang pada satu-satu masa.

Bagaimanapun, apabila musim perayaan dan cuti sekolah, pengguna meningkat kepada 50 anggota keluarga dan 400 orang anggota bujang menyebabkan kesesakan di Kem Transit ini.

- 4.2 Tentera Darat mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemudahan ini daripada segi peningkatan dan pemodenan struktur bangunan, aset dan fasiliti untuk kegunaan pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) serta keluarga mereka.

Pembinaan bagi keseluruhan kompleks dilaksanakan melalui kaedah *Land Swap* yang bermula pada tahun 2000 dan sepatutnya siap pada awal tahun 2002.

Bagaimanapun, projek ini menghadapi masalah dan hanya siap dan diserahkan sepenuhnya pada bulan September 2008. Wisma Transit Kuala Lumpur (WTKL) mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2009 setelah Kompleks Transit mula diduduki pada November 2008 di atas tanah seluas 5,175 hektar yang dikongsi bersama dengan Rejimen 515 Askar Wataniah dan Badan Kesenian Tentera Darat.

Pembinaan kompleks ini, keseluruhannya melibatkan kos berjumlah RM66 juta manakala kos pembinaan WTKL berjumlah RM32.44 juta.

- 4.3 WTKL berperanan untuk menguruskan pergerakan anggota dan keluarga melalui perkhidmatan *catar* udara melibatkan pergerakan dua (2) hala dari Semenanjung Malaya ke Sabah, Sarawak dan sebaliknya.

Selain itu, WTKL juga menyediakan penginapan dan sajian bagi anggota dan keluarga pengguna serta menguruskan pergerakan kargo.

## **5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN PAC PARLIMEN**

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan daripada MINDEF iaitu KSU, TKSU (Pembangunan) dan PUU dipanggil untuk memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa ini.

Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

### **5.1. Penjelasan Awal Wakil Ketua Audit Negara**

Wakil Ketua Audit Negara telah memaklumkan secara umumnya pengurusan prasarana dan kemudahan WTKL di Kuala Lumpur adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang dibangkitkan dan masih dalam tindakan seperti berikut:-

- i. **Sebahagian Bon Senggaraan Berjumlah RM760,000.00 tidak boleh dicairkan.**

Bakti Kausar Development Sdn. Bhd. (BKDSB) iaitu kontraktor WTKL gagal melaksanakan pembaikan dalam tempoh *Defect Liability Period* (DLP). Justeru itu, MINDEF mengambil tindakan mencairkan RM760,000.00 daripada nilai bon berjumlah RM3.3 juta bagi tujuan pembaikan kerosakan.

Walau bagaimanapun, bon tersebut tidak boleh dicairkan.

Laporan polis telah dibuat oleh MINDEF pada 17 Februari 2015 dan MINDEF memfailkan *proof of debt* kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 15 April 2015. Aduan rasmi kepada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) juga telah dibuat. JPA juga mewujudkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat pembabitan pegawai/kakitangan awam dalam isu ini.

- ii. 95 buah bilik penginapan WTKL (33%) tidak boleh digunakan kerana mengalami kerosakan. Berdasarkan status terkini, semua 95 buah bilik tersebut telah di baik pulih dan pembaikan tersebut dilaksanakan selepas tempoh DLP.

## 5.2 KETERANGAN KSU MINDEF

Dato' Sri Abdul Rahim Mohamad Radzi, KSU MINDEF memaklumkan bahawa MINDEF sentiasa peka dan bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan isu-isu yang telah dibangkitkan. Daripada sembilan (9) isu yang telah dibangkitkan JAN, Iapan (8) isu telah diselesaikan dan satu (1) isu masih dalam tindakan iaitu mengenai bon senggaraan WTKL.

## 5.3 PENEMUAN PAC PARLIMEN

Hasil penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

### Bon Senggaraan WTKL

BKDSB gagal melaksanakan pembaikan dalam tempoh DLP. Justeru itu, pihak MINDEF mengambil tindakan untuk mencairkan RM760,000 daripada nilai bon senggaraan berjumlah RM3.3 juta bagi tujuan membaiki kerosakan. Walau bagaimanapun, bon tersebut tidak boleh dicairkan.

## **Maklum balas MINDEF**

Usaha-usaha bagi mendapatkan kembali sebahagian nilai bon senggaraan berjumlah RM760,000.00 mengalami kesukaran kerana syarikat berkenaan iaitu BKDSB telah diisyihar digulungkan oleh mahkamah pada 29 Mac 2012.

Walau bagaimanapun MINDEF telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:-

- i. Mengemukakan notis pencairan bon kepada *Al-Hidayah Investment Bank (Labuan)*, Syarikat Kewangan yang menerbitkan bon berkanun pada 25 Ogos 2010, 5 Oktober 2010, 1 November 2011 dan 24 Mac 2015.
- ii. Memfailkan *Proof of Debt* (POD) bagi tuntutan terhadap BKDSB melalui JIM pada 15 April 2015 dan diterima oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi pada 16 April 2015. JIM memaklumkan baki aset syarikat setakat ini berjumlah RM2,763.60 tidak mencukupi bagi pengisyiharan dividen dibuat melalui surat mereka bertarikh 5 Mei 2015.
- iii. Mengemukakan aduan rasmi kepada LFSA pada 11 November 2016 mengenai salah laku *Al-Hidayah Investment Bank (Labuan)* kerana tidak mencairkan bon senggaraan seperti mana yang dipohon oleh MINDEF.

- iv. Pada 16 Januari 2017, LFSA telah mengemukakan notis kepada *Al-Hidayah Investment Bank (Labuan)* untuk menyelesaikan tuntutan MINDEF dalam masa dua (2) minggu.
- v. LFSA memaklumkan sedang mengambil tindakan sewajarnya ke atas *Al-Hidayah Investment Bank (Labuan)* yang gagal mencairkan bon.

Manakala daripada segi tindakan pencegahan, MINDEF telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Pembangunan Bil. 20/2015 bertarikh 23 Disember 2015 berhubung Garis Panduan Pengurusan Bon Pelaksanaan.

### **Maklum balas JPA**

Tindakan telah dikenakan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan isu pengeluaran bon senggaraan WTKL. Dua (2) orang pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib turun gaji maksimum di bawah Peraturan 36 Perintah Am Perkhidmatan Awam.

Manakala seorang lagi pegawai telah bersara dan di luar bidang kuasa JPA untuk mengenakan tindakan tatatertib.

**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 3(a)/2017 pada Rabu 15 Mac 2017

## 6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen mendapati berlakunya kelemahan dan kecuaian dalam pengurusan kontrak WTKL apabila pegawai yang diberikan tanggungjawab didapati kurang peka terhadap peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

Perkara ini perlu menjadi pengajaran kepada MINDEF dalam memilih kontraktor yang berwibawa dan berkemampuan dalam melaksanakan kontrak Kerajaan.

## 7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan beberapa perkara seperti berikut;

- 7.1 PAC Parlimen memandang serius terhadap kecuaian MINDEF dalam isu bon senggaraan WTKL dan menggesa agar tindakan undang-undang terhadap *Al-Hidayah Investment Bank (Labuan)* dibuat dengan kadar segera bagi mendapatkan semula jumlah RM760,000 tersebut.
- 7.2 MINDEF perlu memastikan kontraktor mengemukakan jaminan bank daripada institusi kewangan yang berdaftar di bawah Akta BAFIA 1989.
- 7.3 Pegawai-pegawai perlu lebih peka terhadap peraturan-peraturan Kerajaan yang sedang berkuatkuasa bagi mengelakkan sebarang kecuaian dan kerugian dalam melaksanakan perolehan Kerajaan.

- 7.4 PAC Parlimen sangsi terhadap tindakan LFSA membenarkan *Al Hidayah Investment Bank (Labuan)* beroperasi di Labuan.
- 7.5 PAC Parlimen menggesa Kerajaan supaya menyiasat tindakan LFSA membenarkan *Al Hidayah Investment Bank (Labuan)* beroperasi di Labuan.
- 7.6 Jika ada keperluan PAC Parlimen akan memanggil LFSA bagi memberikan keterangan berhubung isu ini.

**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 3(a)/2017 pada Rabu 15 Mac 2017

**LAMPIRAN A**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL. 3/2017 PADA RABU 15 MAC 2017  
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN SEMENTARA  
PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
15 Mac 2017 (Rabu)  11.00 pagi	<b>Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit, Kuala Lumpur</b>	<b>Kementerian Pertahanan</b>

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ Bilangan 3(a)/2017 pada Rabu 15 Mac 2017

Bil. 3(a)

Rabu  
15 Mac 2017



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

#### **Mengenai:**

Pengurusan Prasarana Dan Kemudahan Wisma Transit  
Kuala Lumpur

- Kementerian Pertahanan Malaysia

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
彭加勒五**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 15 MAC 2017**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]  
 YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]  
 YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
 YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
 YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]  
 YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]  
 YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]  
 YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]  
 YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]  
 YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]  
 YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah

- *Pengerusi*  
 - *Naib Pengerusi*

- *Setiausaha*

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baru]  
 YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
 YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
 YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

**URUS SETIA**

Puan Lavinia A/P Vyveganathan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
 Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara,  
 Parlimen Malaysia]  
 Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
 Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Cik Fatin 'Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Terjemahan  
 (Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan) (Pengurusan Dewan Rakyat)]  
 Lt. Kol. (B) Mohd Amin bin Abdul Karim [Ketua Bentara Mesyuarat  
 (Seksyen Bentara) (Pengurusan Dewan Rakyat)]

*samb/-*

**HADIR BERSAMA (*samb/-*)****Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud [Pengarah Sektor Audit Prestasi II]  
Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Timbalan Pengarah Sektor Audit Prestasi (Keselamatan 1)]

**Jabatan Audit Negara**

Puan Hafiza binti Yaakob [Ketua Penolong Pengarah Audit Prestasi (Bahagian II)]  
Encik Mohd Sukor bin Ngah [Sektor Audit Prestasi (Kementerian Pertahanan) (Bahagian II)]  
Encik Salutan Lisa [Penolong Pengarah Audit Prestasi II]  
Puan Nur Fasiha binti Abdul Halim [Penolong Juruaudit]

**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

YBhg. Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)]  
Encik Azlee Abu Bakar [Ketua Penolong Pengarah (KA5)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Sarimah binti Husain [Timbalan Ketua Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Unit Perancang Ekonomi (UPE)**

Encik Ahmad bin Ali [Pengarah (Keselamatan dan Ketenteraman Awam)]  
Encik Jeffery bin Yahya [Penolong Pengarah]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Pertahanan**

YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi [Ketua Setiausaha]  
YBhg. Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]  
YBhg. Dato' Zaiton binti Johari [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]  
YBhg. Dato' Abd Aziz bin Md Nor [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]  
Encik Maniam A/L Arumugam [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]  
YBhg. Dato' Che Mohd Shukri bin Che Hassan [Setiausaha Bahagian (Audit Dalam dan Siasatan Am)]  
Puan Juraidah binti Abbas [Penasihat Undang-undang]  
Tuan Salim bin Ahmad [Ketua Unit (Integriti)]  
YBhg. Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah  
(Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]

*samb/-*

**SAKSI-SAKSI (*samb/-*)**

Kol. Ahmad Faiezzelan bin Abdul Karim [Pegawai Memerintah (Wisma Transit)]  
Lt. Kol. Roswandi bin Ismail [Pegawai dari Wisma Transit]  
Lt. Kol. Mohd Hanapiah bin Harun [Pegawai (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan)]  
Lt. Kol. Ahmad Inrahim bin Saáya [PS 1 Pengurusan (Markas Logistik Tentera Darat)]  
Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar [Ketua Penolong Setiausaha  
(Unit Awam/ 3 Khidmat Pembangunan)]  
Encik Mohd Sazuan bin Muhamad [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Awam/ 3 Khidmat Pembangunan)]  
Puan Muzaiyah binti Ahmad [Urus setia]  
Cik Zarina binti Rahim [Urus setia]  
Kapten Haris bin Idris [PS 3 Urusgerak MK LOGTD]  
Encik Shahrizal bin Azhar [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Udara) (Pembangunan)]  
Mejar Zakeman bin Abdul Ghani [Pegawai Cawangan Perancangan dan Pembangunan –  
Infrabina, Markas Tentera Udara]  
Mejar Badrul Hisyam bin Mohd Noor [Pegawai Kolej Tentera Udara]  
Lt. Kol. Haji Kamaruddin bin Mat Jani [MK ATM-BPKP]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA****Rabu, 15 Mac 2017****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.07 pagi****(Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat)**

**Tuan Pengerusi:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Jabatan Audit Negara, seterusnya pegawai-pegawai mewakili jabatan-jabatan kerajaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hari kita memulakan prosiding PAC dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kelima yang membabitkan pengurusan prasarana dan kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur. Hadir bagi memberi penjelasan terhadap isu ini yang dibangkitkan dalam Laporan Audit Negara ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi.

Izinkan saya memberikan sedikit latar belakang mengenai pengurusan prasarana dan kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur ini yang dibina bagi menggantikan Wisma Transit lama di Jalan Ampang. Pembinaan Wisma Transit Kuala Lumpur yang membabitkan kos pembinaan berjumlah RM32.4 juta dilaksanakan mengikut kaedah *land swap* bermula pada tahun 2000 dan sepatutnya siap pada awal tahun 2002. Walau bagaimanapun, projek ini menghadapi masalah dan siap diserahkan sepenuhnya kepada Kementerian Pertahanan pada September 2008 dan mula beroperasi sepenuhnya tahun 2009. Wisma Transit Kuala Lumpur berperanan untuk menguruskan pergerakan anggota dan keluarga melalui perkhidmatan carta udara dan melibatkan pergerakan dua hala Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Selain itu, Wisma Transit juga menyediakan penginapan dan sajian bagi anggota dan keluarga pengguna serta menguruskan pergerakan kargo.

Jadi sebelum itu, kita mempersilakanlah Jabatan Audit. Kita ada dua papers, hari ini dan esok. Semua Kementerian Pertahanan ya?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud [Pengarah Sektor Audit Prestasi II, Jabatan Audit Negara]:** Ya, betul.

**Tuan Pengerusi:** Kalau cepat, kita boleh buat sekali ya?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Kalau tidak ada mereka ini kenapa letak mereka ini? Apa ini, siapa itu?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** Ini SUB, itu Yang Berhormat Telok Kemang.

**Tuan Pengerusi:** SUB apa?

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi:** SUB Dewan Rakyat, Puan Lavi- Datuk Roosme.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Silakanlah dan *brief*lah.

■1110

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Okey, *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Ahli-ahli Yang Berhormat kesemuanya dan juga wakil-wakil daripada pihak Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga daripada ICU dan juga daripada semua ahli-ahli mesyuarat ya. Pagi ini kita akan mengadakan kedudukan terkini bagi Laporan Ketua Audit Negara Siri 1, Tahun 2014-pertamanya berkaitan dengan Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur. Okey, *next*.

**Tuan Pengerusi:** Yang keduanya?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Keduanya adalah berhubung dengan Pengurusan Pembinaan Kompleks Kolej Tentera Udara, Kepala Batas, Pulau Pinang dan untuk makluman Tuan Pengerusi saya yakin pagi ini kita dapat buatkan sekali teruslah sebab ada kebanyakan isu-isu yang kita hendak *highlight*-kan hari ini kebanyakannya boleh kata sudah selesai. Ada beberapa perkara sahaja yang belum selesailah. Kumpulan berkaitan daripada MINDEF pun memang ada hari ini, tim-tim yang berkenaan. Okey, *next*.

Untuk MINDEF. Saya rasa kita pergi terus kepada isulah. Dari segi *background* tidak payahlah, okey. Pergi *direct* kepada isu. Untuk kedudukan yang terkini ya, setelah maklum balas daripada pihak MINDEF, segala tindakan yang masih dijalankan ada dua iaitu dari segi bon senggaraan kontrak iaitu pembaikan dan senggaraan sehingga 16 Mac 2017. Kalau mengikut maklum balas terkini ada 95 bilik dan juga 915 lokasi telah selesai dibaiki dan juga dari segi *localize* juga telah siap dibina dan boleh kata keseluruhanlah untuk makluman Tuan Pengerusi, saya rasa benda ini sudah selesai sebenarnya. Tidak adalah perkara-perkara yang dibangkitkan lagi. Okey, *next*.

Seterusnya secara umumnya pengurusan prasarana di Kuala Lumpur adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang masih dalam tindakan pihak kementerianlah. Itu kalau kita lihat balik kepada isu yang berkaitan iaitu BKDSB gagal untuk melaksanakan pembaikan dalam tempoh liabiliti. Sebahagian daripada bon senggaraan iaitu berjumlah RM760,000 tidak boleh dicairkan. Bagaimanapun laporan polis kalau mengikut kedudukan pada Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2014, laporan polis telah pun dibuat pada 17 Februari 2015 dan *file prove of debit* oleh Jabatan Insolvensi juga telah dibuat pada 15 April 2015. Aduan rasmi

kepada Labuan *Financial Services Authority* juga telah dibuat. Satu Jawatankuasa Siasatan oleh pihak JPA telah diwujudkan.

Bagaimanapun, tindakan masih lagi berterusan dijalankan oleh pihak kementerianlah walaupun kalau ikut di *dashboard* Jabatan Audit Negara, kalau kita tengok hijau, tetapi bagaimanapun perkara ini perlu diteruskan lagilah. Okey *next*. Saya rasa mungkin selepas ini kita dapat kedudukan terakhirlah apa yang dibuat oleh pihak berkaitan.

Okey, *next* berkaitan dengan- pun juga selesai sebenarnya iaitu kedudukan 33 peratus dari segi bilik-bilik yang tidak dapat digunakan kerana berlaku kerosakan. Bagaimanapun mengikut kedudukan terkini 95 buah bilik telah pun di baik pulih dan pembaikan telah pun dijalankan di mana kesemua 354 lokasi telah dibaiki iaitu di KL. Sebanyak 52 lokasi BKTD kesemuanya 52 lokasi telah juga dibaiki. Kesemua saya rasa ini sudah selesailah untuk makluman Tuan Pengerusi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Dibaiki itu dalam tempoh *Defect Liability Period*?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Selepas, selepas tempoh *liability period*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** So they are *not*- kontraktor tidak dikenakan *liquidated asset and diminished*.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Itu yang masalah itu. Apa yang Jabatan Audit *highlight*-kan sepatutnya ditolaklah. Itu yang jadi isu. Maknanya setelah ditegur oleh Jabatan Audit baru diambil tindakan. Kalau tidak audit, mungkin macam itu sahajalah. Okey, *next*. Itu kita minta JPA nanti akan bagi tahu apa kedudukan terkinilah, sebab saya tengok daripada makluman balas terdahulu macam ada bentuk rayuan, tetapi kita hendak tahu lah apa kedudukan seterusnya. Kalau tidak, maka tidak selesailah benda itu.

Okey, *next* ini berkaitan pula- itu sahaja Laporan Audit yang untuk...

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi itu?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Yang perlu penjelasan lanjutlah.

**Tuan Pengerusi:** Paper satu lagi itu?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Paper yang satu lagi itu adalah mengenai dengan pengurusan pembinaan.

**Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat), Kementerian Kewangan Malaysia]:** Tuan Pengerusi, saya hendak *highlight* satu isu yang MINDEF telah lakukan tetapi mungkin sudah selesai iaitu bon ataupun *bank guarantee*. Mereka menerima pakai satu bank yang tidak didaftarkan di bawah Akta BAFIA. Kalau syarat untuk *bank guarantee* ini mesti bank-bank yang tersenarai dalam Akta BAFIA. Akan tetapi *Al-Hidayah Investment Bank* (Labuan) ini bukan satu bank yang didaftarkan di bawah BAFIA tetapi menggunakan bank ini untuk mengeluarkan *bank guarantee which is* sebenarnya dalam kontrak dalam kerajaan tidak bolehlah. Dia

kena ambil daripada bank-bank yang tersenarai dalam Akta BAFIA Bank Negara. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Makna *illegal* tetapi bukan dalam senarai BAFIA Tuan Pengerusi. Ia didaftar di Labuan. Kalau dalam kontrak selalunya yang *under BAFIA* lah Akta Bank Negara.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Itu syaratnya lah, syarat.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Ya, syarat.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Itu syarat, syarat...

**Encik Rosli bin Yaakub:** Syarat untuk *bank guarantee*.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Sehubungan dengan itu Tuan Pengerusi, kita minta dapat penjelasan daripada pihak berkaitanlah apa sebab benda itu berlaku. Saya pula rasa dukacita sikit bila jawatankuasa yang ditubuhkan oleh JPA itu kita tengok hasil siasatan itu ialah terlepas macam itu sahaja. Jadi tidak ada orang kata *lesson learned*. Kita minta penjelasanlah. Seterusnya Tuan Pengerusi dan Ahli Mesyuarat...

**Encik Azlee bin Abu Bakar [Ketua Penolong Pengarah (K)A5, Jabatan Perkhidmatan Awam]:** Tuan Pengerusi, bagi menjawab soalan berkenaan dengan tindakan yang telah dikenakan kepada pegawai yang terlibat dengan isu pengeluaran bon senggaraan kepada *Al-Hidayah Investment Bank*. Dua pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib sehingga turun gaji iaitu maksimum di bawah Peraturan 36. Manakala seorang lagi pegawai telah bersara dan di luar daripada bidang kuasa JPA untuk mengenakan tindakan tatatertib.

Akan tetapi dua orang pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib turun gaji paling maksimum di bawah Peraturan 36.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Sebab?

**Encik Azlee Abu Bakar:** Sebab kesalahan mengeluarkan bon senggaraan kepada *Al-Hidayah Investment Bank* yang tidak ada *listed* di bawah Perbendaharaan.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Tuan Pengerusi, kita pun Jabatan Audit Negara saya ingat Tan Sri Ketua Audit Negara yang dululah mantan, pun pemah bersuara bila kita lihat rata-rata dari segi ketidakadilanlah. Bila yang berlaku itu kebanyakannya pegawai yang bersara, memang tidak boleh ambil tindakan. Jadi kita pohonlah supaya pihak JPA dapat fikir balik macam mana. Kalau tidak, yang berlaku itu yang bersara habis. Setakat itu sahaja, habis.

**Tuan Pengerusi:** Memang bersyarat. Kalau bersyarat tidak boleh ambil tindakan ya?

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Macam bersara wajib, jadi kita minta JPA kaji semulalah. Kalau tidak, selamat dia orang ini.

**Dato' Sabariah binti Hassan [Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam]:** Tuan Pengerusi sebenarnya memang JPA aware, maklum bahawa apabila pegawai sudah bersara tindakan tatatertib memang tidak boleh dibuat. Itu dalam Peraturan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam. Akan tetapi kita juga sedang melihat apa tindakan dan

beberapa kali mesyuarat telah diadakan, bagaimana kita hendak mengambil tindakan selepas bersara. Banyak kes-kes yang *lately* ini berlaku, jadi kita ambil iktibarlah daripada apa yang berlaku dan *insya-Allah* lah we try to do something on this one. *Insya-Allah, thank you.*

■1120

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sebelum paper kedua itu, bolehkah Jabatan Audit terangkan secara ringkas apakah isu pokoknya, kita hendak tanya.

**Tuan Pengerusi:** Isu pokok itu tadi bon, lagi apa tadi? Lambat...

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria [Timbalan Pengarah Sektor Audit Prestasi (Keselamatan 1) Jabatan Audit Negara]:** Okey, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Mesyuarat PAC. Berkaitan dengan tajuk yang pertama iaitu pembinaan Wisma Transit yang baru dibentangkan tadi, isu pokok berkaitan yang dibangkitkan oleh pihak audit pertama sekali tadilah, isu bon pelaksanaan itu yang dibuat dengan bank yang tidak berdaftar yang menyebabkan masalah. Masalahnya bila berlaku kerosakan pembaikan bangunan itu sendiri biasanya dalam tempoh kecacatan kita akan pegang bon tersebut atau cairkan bon yang dicagarkan itu.

Akan tetapi masalahnya di sini tidak boleh kerana masalah tadilah maknanya Bank Labuan pesisir pantai ini dia lainlah sikitlah prosedur dan sebagainya yang menyebabkan tidak boleh kita hendak ambil sebagaimana prosedur biasa mencairkan bon untuk cover dia punya kerosakan-kerosakan yang patut dia buat. Sebab kontraktor ini sendiri yang sebenarnya dia telah *bankrupt*, gulung tikar. Kalau dia masih ada tidak ada masalah, bon itu kemudian. Bila dia sudah laksanakan kerja dia bon ini kita lepaskan balik. Akan tetapi masalah sekarang kontraktor telah *bankrupt*, sudah gulung tikar, jadi kita hendak ambillah bon tadi tetapi ada masalah tadi, yang masalah pelanggaran terhadap syarat-syarat. Di sana saya tak tahu bagaimana terlepas pandang pihak kementerian sendiri dalam proses dia sebagai kementerian pengguna yang menjaga projek ini sehingga melanggar prosedur tadi.

Kesannya inilah, kesannya sehingga kerajaan terpaksa melantik satu kontraktor baru untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan yang kita nampak tadi 900 lebih lokasi. Kalau kita pergi pada bilik hampir keseluruhan, hampir setiap tingkat. Tingkat 1, tingkat bawah, bilik itu, bilik ini, dapur dan sebagainya. Itu yang berlaku. Bila berlaku begitu memang dia bermasalah, kontraktor pun telah di *terminate*, tak boleh hendak ambil bon tadi. Akhirnya kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan saya rasa lebih kurang RM15 juta lebih pula.

**Tuan Pengerusi:** Lagi?

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Lagi, betul tak.

**Tuan Pengerusi:** Maknanya dua kalilah.

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Ya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Bon yang pertama.

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Bon itu masih belum selesai, nanti kita dapatkan penjelasan lanjut daripada pihak kementerian, tindakan undang-undang kah, proses apa yang masih berlaku.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Belum ganti dengan kontraktor baru. Mereka tak lantik, nanti baru kena bon tak.

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Lantik, lantik.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Lantik baru kena bon tak?

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Ini untuk pembaikan. Untuk pembaikan yang rosaklah.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Keluarkan lagi, bon lagi.

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Ya, ya sebab ini lain.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya hendak tarik perhatian dalam Mesyuarat ini, sepatutnya penggunaan bank yang *not listed under BAFIA should not happen* kepada kementerian yang besar. Jadi benda sudah berlaku, sudah berlakulah, mungkin ada langkah-langkah pencegahan di masa akan datang. Umpamanya, ini berlaku di Labuan, Labuan ini mungkin tak sama dengan tempat lain. Banyak bank-bank pesisir pantai ini. Jadi sepatutnya MoF ataupun Bank Negara sendiri perlu *caution* kementerian-kementerian ini supaya mereka – bank mana yang perlu mereka ambil walau ada dalam *list* tetapi ini berlaku benda yang sepatutnya disedari dari peringkat awal lagilah. Kita tak pernah dengar pun *Al-Hidayah Investment Bank* ini, tidak pernah dengar pun. Terima kasih.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya respons Yang Berhormat Kota Bharu. Sebenarnya Yang Berhormat, memang ada dalam Pekeliling Kementerian Kewangan dalam hal-hal berkaitan dengan kontrak perlu- kita ada *list* bank-bank yang *under BAFIA*, memang kena perlu. Malahan dalam kes ini Yang Berhormat sebenarnya masa *exit conference* dengan MINDEF, saya sendiri telah menyuarakan kepada MINDEF pada ketika itu bila saya lihat benda ini tidak ikut prosedur. Saya mencadangkan supaya *report* polis dilakukan pada ketika itu untuk *cover* kerajaan.

Walaupun sudah buat tetapi bagi saya mereka tetap melakukan satu kesilapanlah kerana tidak mengikut Pekeliling Perbendaharaan dalam membeli bon daripada bank yang didaftar di bawah BAFIA. Memang adalah Yang Berhormat dalam pekeliling. Terima kasih.

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** ...Ini pun telah diambil sebagaimana kita dengar JPA cakap tadi, terhadap kecuaian itu telah diambil tindakan. Jadi setakat hari ini proses selanjutnya untuk mendapat balik ganti rugi tadi saya rasa nanti pihak kementerian akan bagi penjelasanlah.

**Seorang Ahli:** Tadi, pegawai bank kah atau pegawai tentera?

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Yang mana? Pegawai MinDef lah yang bertanggungjawab menjaga benda ini.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Cuma yang bicara terlepaslah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Pegawai bank tak ada?

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Ya, itu isu pokok yang dalam projek inilah, tentang bon dan pembinaan yang bermasalah.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** So all the contractual matters, all handle by MinDef.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Yes.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tiada Menteri Kewangan, dokumen kewangan?

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Tidak, tidak. Okey, terima kasih.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Tuan Pengerusi, yang esok sebenarnya saya rasa memanglah tak ada isu. *Why not*, saya rasa tak perlu pun Yang Berhormat kena hadir. Yang tersebut selesai sudah, tidak serius macam ini, tak serius macam yang *paper* pertama ini. Esok memang tak ada.

**Beberapa Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Kita lapor sini sahaja.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Saya lapor sini sahaja untuk ini. Saya lapor teruslah.

**Tuan Pengerusi:** Laporlah.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Saya laporkan terus sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, buka balik.

**Encik Mohamed Ziadi bin Zakaria:** Biar settle ini dulu.

**Datin Seri Dato' Shamsiah binti Haji Daud:** Okey. Okey.

[*Saksi-saksi dari Kementerian Pertahanan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera, Yang Berbahagia Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Dato' Mohammad Foad bin Haji Abdullah Timbalan Ketua Setiausaha. Seterusnya, Yang Berhormat Dato' Zaiton binti Johari Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan.

Terlebih dahulu saya bagi pihak PAC ingin mengucapkan terima kasih di atas kesempatan pagi ini ke Majlis Prosiding PAC ke atas satu isu Kementerian Pertahanan iaitu pembinaan Wisma Transit di Kuala Lumpur yang dibina bagi menggantikan Wisma Transit lama di jalan Ampang, ini isunya.

■1130

Ada dua isu sebenarnya kementerian. Kalau kita sempat siapkan hari ini besok tidak payahlah datang ya. Kita cuba siapkan hari ini. Satu lagi isu pembinaan kolej tentera? Kolej tentera. Audit, kolej tentera? Okey. Silakan Dato Seri.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi [Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan]:** Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam

sejahtera Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kanan daripada jabatan-jabatan dan juga kementerian serta juga tim daripada Kementerian Pertahanan dan juga Angkatan Tentera Malaysia.

Pertama, Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih kerana *finally* kita dapat membentangkan tentang dua isu ini yang mana telah lama dimasukkan dalam *town hall* dahulu dan agak juga lama dari segi jarak. Namun begitu, Kementerian Pertahanan tidak melengah-lengah dan juga telah mengambil tindakan bersungguh-sungguh untuk menjawab semua soalan dan saya juga bersyukur kerana kita mungkin boleh dapat menyelesaikan kedua-dua isu pada pagi ini. *Insya-Allah*.

Pertama, Yang Berhormat adalah isu pengurusan prasarana dan kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur. Isu kedua adalah pengurusan pembinaan Kolej Tentera Udara di Kepala Batas, Kedah Darul Aman. Dengan izin Yang Berhormat, saya mulakan dengan projek pertama iaitu Pihak Pengurusan Prasarana dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur. Ini adalah latar belakang projek. Kalau kita lihat *in situ immediately* kita boleh kesan bahawa projek ini telah begitu lama dilaksanakan tarikh mula permohonan adalah 7 Oktober 1998. Tarikh siap sebenar CPC 11 September 2008.

*Next... [Merujuk kepada slaid] Ringkasan teguran Audit, ada sembilan isu penemuan. Satu isu adalah dashboard. Lapan isu lain adalah jawapan yang kita perlu berikan dan di sini saya ingin menyatakan bahawa ada satu isu yang kami ingin bentangkan Yang Berhormat. Dengan concurrent daripada Jabatan Audit Negara. Lain itu saya telah dimaklumkan disahkan bahawa ia telah selesai. Akan tetapi, with your advise Sir if we need to bentang all, we will bentang all. Otherwise, yang dimaklumkan adalah satu yang mana melibatkan....*

**Tuan Pengerusi:** Bon.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Bon senggaraan. Sebahagian bon senggaraan berjumlah RM760,000 tidak boleh dicairkan. *That is the issue that have been recorded that we have to answer today. The rest itu Sir with your concurrent....*

**Tuan Pengerusi:** Sudah selesai semua ya?.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Recorded Sir has selesai.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** *For KTU, I stand to be guided.* Sama ada kami kena bentang juga fasal KTU.

**Tuan Pengerusi:** Cuba selesaikan *first paper* dahulu.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Yes. *First paper Sir. If you allow me Sir, I will invite Dato Zaiton Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan MinDef untuk mulakan.* Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Zaiton binti Johari [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan]:** Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan

Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berbahagia Datuk-datuk' dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Izinkan saya beri penjelasan berhubung dengan jawapan kepada laporan audit iaitu maklum balas kementerian berhubung dengan pengurusan kontrak bon senggaraan sebahagian berjumlah RM760,000 tidak boleh dicairkan.

So, untuk yang ini Tuan Pengerusi, usaha-usaha untuk mendapatkan kembali sebahagian nilai bon senggaraan berjumlah RM760,000 mengalami kesukaran kerana syarikat telah digulungkan pada 29 Mac 2012. Walau bagaimanapun, kementerian telah mengambil tindakan seperti berikut. Pertama, kementerian telah mengemukakan notis pencairan bon kepada Al-Hidayah Investment Bank (Labuan) pada 25 Ogos 2010, 5 Oktober 2010, 1 November 2011 dan juga 24 Mac 2015.

Kedua, kementerian telah memfaikan *Proof of Debt* (POD) bagi tuntutan terhadap BKDSB which is syarikat ini melalui Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 15 April 2015 dan diterima oleh Pegawai Penerima dan Pelikuidasi pada 16 April 2015. JIM memaklumkan bagi aset syarikat setakat ini berjumlah hanya RM2,763.60 tidak mencukupi bagi pengisytiharan dividen dibuat melalui surat mereka bertarikh 5 Mei 2015. Ini kita ada dalam geran A.

Ketiga, kementerian telah mengemukakan aduan rasmi kepada *Labuan Financial Services Authority Labuan* (Labuan LFSA) pada 11 November 2016 mengenai salah laku *Al-Hidayah Investment Bank* (Labuan) Limited Bank yang mengeluarkan bon senggaraan kerana tidak mencairkan bon senggaraan seperti mana yang dipohon oleh kementerian. Juga pada 16 Januari 2017, pihak LFSA telah mengemukakan notis kepada *Al-Hidayah Investment Bank* untuk menyelesaikan tuntutan MINDEF dalam masa tempoh dua minggu.

Akhir sekali, LFSA memaklumkan sedang mengambil tindakan sewajarnya ke atas *Al-Hidayah Investment Bank* yang gagal mencairkan bon. Dari segi tindakan preventif, Tuan Pengerusi. Kementerian telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Pembangunan, Bil. 20/2015 bertarikh 23 Disember 2015 berhubung garis panduan pengurusan bon pelaksanaan seperti dalam transit. Terima kasih.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Dato' hendak tanya sekejap. Tadi kita dimaklumkan bahawa kesemua projek untuk *bank guarantee* ini mesti ada- tiada akta BAFIA. Mengapa kementerian boleh terlepas pandang. Biar ia begitu sahaja melalui *bank guarantee* yang tidak di bawah akta BAFIA itu.

**Dato' Zaiton binti Johari:** Untuk makluman Yang Berhormat, ini *actually* projek ini di bawah penswastaan. Projek penswastaan. Dalam projek penswastaan, dalam dia punya kontrak dokumen itu tidak menyebutkan bahawa tidak dibenarkan untuk kita gunakan *offshore bank*. Ia tidak jelas di situ.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya pihak kementerian. Kita dibekalkan dengan satu *form*. Namanya *Form of Maintenance Bond* yang dikeluarkan oleh *Al-Hidayah Investment Bank* ini. Sehubungan dengan sahabat saya tanya tadi, bon ini selain ditandatangani oleh kontraktor juga ditandatangani oleh pihak kementerian. Kalau dalam dokumen ini, *very clear* yang *signed on behalf of Government of Malaysia*, Haji Nordin bin Haji Ahmad,

Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan. *Witness by*, Mansor bin Jusoh, Ketua Penolong Setiausaha Unit Awam III Khidmat Bahagian Pembangunan.

Jadi, soalan saya kalau Dato sebut tadi. Kementerian tidak ada makluman mengenai Al-Hidayah ini, *ignorance of law is no excuse*. Benda ini, sudah jelas kementerian saya rasa jelaslah mana bank yang boleh di deal untuk *this kind of thing*. Benda ini, *Al-Hidayah Investment Bank* kita pun tidak pernah dengar dan hendak menyatakan bahawa kementerian tidak tahu hanya bank yang *listed under BAFIA* sahaja yang boleh mengeluarkan *maintenance bond* ini. Saya rasa tidak boleh di terimalah. *Ignorance of law is no excuse*. Macam mana hendak *explain* itu.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Jemput our Penasihat Undang-undang.

**Puan Juraidah binti Abbas [Penasihat Undang-undang, Kementerian Pertahanan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat. Dalam hal ini, kita tengok kita punya perjanjian dia tidak sebut bank itu hendaklah berdaftar di bawah BAFIA. Walau bagaimanapun, kami mendapati *Al-Hidayah Investment Bank* (Labuan) telah diberikan *licensed* di bawah *Labuan Offshore Financial Services Authority Act 1996*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *I'm sorry. Are you telling us that* kementerian tidak tahu peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara. Bahawa yang boleh keluar *maintenance bond* ini hanya or *banks which listed under banking registration act*, BAFIA. Takkanlah you datang hanya hendak beritahu, "Oh, kementerian tidak tahu". *This is a very benda yang paling asas untuk benda-benda kontrak macam ini. It is not excuse.*

■1140

**Tuan Pengerusi:** Apa tindakan dibuat kepada pegawai yang cuai inilah? Ada satu lagi- yang kedua, adakah kita saman bank tak? *Meaning because dia been failed to deliver.* Adakah dua perkara itu? Adakah kita mengambil tindakan kepada pegawai yang cuai dan yang kedua adakah kita mengambil usaha tindakan ke atas bank itu sendiri kerana dia tidak boleh menunaikan dia punya bon itu?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, kita telah mengeluarkan beberapa notis kepada *Al-Hidayah Investment Bank* pada 25 Ogos 2010, pada 5 Oktober 2010, pada 1 November 2011 dan yang paling akhir sekali pada 24 Mac 2015.

**Tuan Pengerusi:** Notis tindakan mahkamah?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Tindakan mahkamah kita akan ambil selepas aduan kita kepada *Labuan Financial Services Authority* diselesaikan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Sebenarnya *all banks and financial institution in the country is regulated and governed the Central Bank. I wonder this bank now whether the force under the category of Labuan offshore or something but actually now all banking and financial institutions is regulated under BNM. That's all.*

Kalau dalam macam perkara ini patutnya kita boleh *refer* kepada BNM. Kalau ada kesilapan kita...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya rasalah pandangan saya, *legally* memang *Al-Hidayah Invesment Bank* dia tidak perlu bayar RM760,000 *because this contract is buat at an issue*. Buat *from the beginning because there are entitled to issue the bon because there are not listed under BAFIA*. So, you *pergi sign* dengan orang yang tidak layak, so kontrak itu tidak sah. *That why dia tidak bayar*. Memang kalau pergi *court* pun memang- *to my opinion* memang tidak bolehlah. *Board has an issue*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sebenarnya siapa yang melantik. Mengapa itu bank itu yang dikenali dibangkitkan dan dilantik? Siapa pegawai itu yang membuat demikian? Kita hendak tahu.

**Dato' Zaiton binti Johari:** Tuan Pengerusi, dari segi tindakan punitif...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Deliberate attempt, deliberate by the contractor to mislead us. That's all. Dia punya masalah ini just to mislead us.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Misrepresentation*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Misrepresentation*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Tuan Pengerusi, ini kepada KSU lah ya. *Al-Hidayah- what is the problem, actually?* Dia boleh keluarkan, dia tidak boleh cairkan? *Can you explain to us just a minute what is actually the problem*, dia tidak boleh keluarkan kah? Itu kita hendak dengar betul-betullah *the real thing*, apa sebab dia tidak boleh keluarkan.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, berdasarkan dokumen apa yang kita dapat apabila kali pertama kita hantar Notis Tuntutan *kepada Al-Hidayah*, ia memberi respons pada 3 September 2010, kata dia masih akan menyiasat kita punya tuntutan. Selepas pada itu dia tidak mengambil apa-apa tindakan ataupun berunding dengan pihak kementerian.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *And what is your follow up?*

**Puan Juraidah binti Abbas:** Bahagian Pembangunan mungkin boleh bantu saya.

**Tuan Pengerusi:** *Basically bond is money, bond is financially- my little knowledge about the banking. Bond is money. Why bila kita hendak present kita tidak boleh keluar. That mean there must a something wrong with the bank-lah. Makna sama ada bank itu tidak wujud atau bank itu- tidak tahu sama ada dalam bank sendiri ada masalah makna dikeluarkan bon yang palsu. It's a criminal.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tidak ada hidayah...

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada hidayah, *the bond is* yang palsu. Kalau palsu *that mean criminal*. Bank Negara kena *step-in* patutnya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kita ada banyak bank yang bertaraf tinggi. Siapa yang cadangkan kita lantik itu bank yang tidak dikenali ini?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Kontraktor sendiri, Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kontraktor.

**Dato' Zaiton binti Johari:** Yes, yes.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi yang balik itu kontraktor itu, mengapa kita melantik kontraktor yang tidak berupaya. Kita ada banyak kontraktor yang layak yang berkesan, efisien tetapi kita tidak lantik. Lantik yang bankrap.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, company ini masa kita lantik masih belum digulungkanlah. Dia digulungkan pada 29 Mac 2012.

**Tuan Pengerusi:** Berapa kerugian kepada kerajaan secara keseluruhannya?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Kita tidak dapat balik bon selenggara itu menyelenggarakan itulah, RM760,000.

**Tuan Pengerusi:** Dia siapkan kerja? Kerja dia siap?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Kerja siap.

**Tuan Pengerusi:** Kerja siap. Maknanya RM33 juta- berapa...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Banyak kerugian Tuan Pengerusi. Yang Berhormat RM15 juta lagi hendak buat semula itu.

**Tuan Pengerusi:** Hendak buat semula itu siapa, bukan dia, kan? Maknanya kerugian kepada kerajaan berapa, lebih kurang. Berapa kerugian kepada kerajaan?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Sebanyak RM760,000 dari segi kita tidak dapat balik bon selenggaraan itulah- kerja-kerja selenggaraan.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Untuk membuat sebagainya itu- itu kerugian juga sepatutnya selesai semua, dia tidak selesai.

**Tuan Pengerusi:** Ini Naib Pengerusi saya ini Yang Berhormat Kepong tanya pegawai yang *verify the agreement*, siapa tadi?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sebenarnya tindakan punitif telah diambil di mana kita telah laporkan pada JPA-lah. JPA telah mengambil tindakan telah siasat tapi walau bagaimanapun, telah didapati bahawa tidak ada kesalahanlah, dilepaskan.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]/[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Sabariah binti Hassan:** Sebenarnya bukan dilepaskan, dia tidak lepas. Dia kena tindakan turun satu mata gaji selama 36 bulan. Jadi sebenarnya banyak itu 36 bulan dia macam dibekukan. Lepas itu dia akan jatuh lagi untuk kenaikan pangkat dia akan tunggu lagi sebab ini sudah kena penalti- *actually* dia tidak lepas kecuali yang SUB itulah sebab dia telah menjadi pesara Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Balik kepada soalan tadi, *you* sudah mengadu dia kata hendak siasat sahaja *Al-Hidayah*, lepas itu tidak ada apa-apa. Senyap sahajalah mereka.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Masih dalam siasatan lagi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Dia punya siasatan lagi, yang *Al-Hidayah* punya siasatan.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Itu sahaja *correspondent* yang dihantar pada kementerian. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Tidak saya rasa *you* punya *move* ini salah. Patut *you* sudah ambil tindakan mahkamah kepada bank ini. Sepatutnya *you* sudah *start proceeding against the bank*. Maknanya boleh jadi bank ini boleh digulungkan. Kalau ia keluar bon, dan ia tidak bertanggungjawab kepada bon itu, maknanya *something is very actually-* satu yang seriuslah, *very serious*. Maknanya dari segi...

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, kita memang akan mengambil tindakan undang-undang di mahkamah. Walau bagaimanapun, itu adalah *after* kita ambil tindakan membuat aduan kepada *Labuan Financial Services Authority*.

**Tuan Pengerusi:** Dan dia- Labuan, kalau saya sebut lebih-lebih dia akan batal lesen sahaja *but you still kena recover your money*. Kalau *you* cepat ambil tindakan *to recover RM760,000* mungkin *you* ada *chance* dapat duit itu. Kalau tidak ambil tindakan langsung, tiada *chance*. Mungkin dia apa...

#### ■1150

**Puan Juraidah binti Abbas:** Kita akan ambil tindakan.

**Tuan Pengerusi:** Prosiding mahkamah bukan?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Still* ada masa lagikah *limitation? I think you barred by Limitation Act.*

**Puan Juraidah binti Abbas:** Ya. Masih lagi. Kita masih ada lagi sebab kalau ikut bon itu sendiri, kita boleh buat tuntutan selagi CMGD masih belum dikeluarkan. So dalam hal ini, CMGD ini tidak dikeluarkanlah.

**Seorang Ahli:** CMGD itu apa?

**Puan Juraidah binti Abbas:** *Certificate of Making Good Defects*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, memandangkan *Al-Hidayah* ini is not listed under BAFIA, so there is no way we can get back our money from Bank Negara. Because all financial institutions who does any fault we can get back our money from BNM. BNM is fully responsible because they are as you know having some reserve with BNM. Akan tetapi dalam perkara ini saya rasa, kita masih lagi belum kita punya tindakan-tindakan yang lain. Kita boleh melaporkan kepada Bank Negara perkara ini kerana patutnya apa juga banking institutions, financial institutions yang beroperasi dalam negara kita ataupun Labuankah, still under Bank Negara walaupun dia di bawah Labuan FSA ini.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Awam/ 3 Khidmat Pembangunan) Kementerian Pertahanan]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *They are not listed company.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Ya, ya. Walaupun dia tidak *listed* bawah BAFIA.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit ya?

Sebenarnya *Al-Hidayah Investment Bank* ini merupakan bank pesisir pantai yang dikawal selia di bawah LFSA iaitu *Labuan Financial Services Authority*, di mana LFSA juga merupakan agensi di bawah Bank Negara juga Tuan Pengerusi.

Cuma saya hendak maklumkan sedikit, tambah sedikit Tuan Pengerusi. Berkaitan tentang *maintenance bond* di dalam kontrak di bawah seksyen *recital*, *maintenance bond* ini dimaklumkan bahawa *means the bond issued by an approved license's bank or financial institution pursue to section 10.1, and substantially in the form asset out in Appendix V*. Jadi mungkin pada pemahaman pegawai yang- jadi itulah kami berpandangan semasa tersebutlah, masa berlakunya penerimaan *maintenance bond* itu. Ini kerana dalam kontrak tidak dinyatakan bahawa mesti mendapat jaminan bank daripada bank yang berdaftar di bawah *BAFIA Act 1989*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *That is a basic. You should understand and you should obey that.* Takkanlah alasan kita tidak tahu bahawa perlu- *that is a very basic thing* ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Akan tetapi selain daripada satu kesilapan, yang kita sekarang bincangkan ini, bon maknanya *I give you a Dollar, you give me a bond of one Dollar*. Kalau orang itu hendak datang balik *claim bond, give me back my money. Thats all*, itu sahaja.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Bagi saya, kalau dia tidak berkeupayaan untuk bayar, bukan sahaja mencemarkan nama Malaysia bahkan nama- fasal kita di *offshore banking* sana, kita ada bank yang amalkan *Islamic banking*. Kemungkinan ini *Islamic banking* ini. Kalau *Islamic banking* pun tidak boleh percaya, macam mana? *[Ketawa]*

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Itu Tuan Pengerusi, kita hendak maklumkan bahawa memang kementerian daripada mula lagi, daripada tahun 2010 lagi kita memang *pursue* kepada bank inilah untuk mencairkan *maintenance bond* ini bagi menggantikan sebagai pampasan di atas kecacatan yang berlaku sebanyak RM760,000. Namun berdasarkan susulan yang kita buat, syarikat *Al-Hidayah* ini seolah-olah enggan untuk mencairkan bon ini walaupun adanya kenyataan daripada kontraktor bahawa kita boleh menuntut pencairan bon daripada pihak *Al-Hidayah Investment*.

Oleh itu, selepas kami mendapatkan nasihat daripada pihak LFSA iaitu badan yang memantau bank-bank pesisir pantai, pihak LFSA mencadangkan supaya kita untuk membuat aduan rasmi kepada LFSAlah. Oleh itu, dimaklumkan sekarang ini tindakan terkini itu ini sedang diambil tindakan oleh pihak LFSA.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Boleh kita buat pengaduan kepada Bank Negara sekali, fasal LFSA ini dia ada akta dia.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Itulah Tuan Pengerusi...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Kita bincang hari itu. Baru kita bincang hari itu.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Itulah Yang Berhormat sebab LFSA pun adalah merupakan agensi di bawah Bank Negara juga.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Baru kita bincang hari itu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk kepada notis yang diberi kepada *Al-Hidayah* tadi. Saya hendak *highlight* bahawa ada surat daripada kementerian bertarikh 5 Oktober 2010 kepada Bank *Al-Hidayah* ini supaya dia cairkan *maintenance bond* ini, *one of the letter* ini. Akan tetapi *letter notice of demand*, Notis Tuntutan Undang-undang hanya di isu pada 24 Mac 2015. Merujuk kepada bon ini ataupun *agreement bond* ini yang bertarikh 28 Ogos 2008. So, I doubt mungkin takut kementerianlah *barred by limitation*. Makna untuk hendak saman ini hanya enam tahun sahaja daripada *cost of action*. Only six years from *cost of action*. So, tidak tahu bila *cost of action* itu berlaku.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Okey. Yang Berhormat, bagi isu ini...

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat, Parliment Malaysia]:** Boleh sebut nama tidak?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Ya, nama saya Juraidah. Okey, minta maaf. Memang kita ada keluar 5 Oktober 2010 sebagai notis kedua kita kepada *Al-Hidayah*. Walau bagaimanapun, Notis Tuntutan yang pertama kali kita keluar adalah pada 24 Mac 2015. Dalam hal ini, Bahagian Undang-undang mendapatkan notis yang kita keluarkan itu tidak *certified* by kita punya *Project Director* ataupun *Supervising Officer*. So dalam bon, ia memerlukan apabila kita hendak membuat tuntutan, *any claim* itu kita kena *support* butiran-butiran kerosakan ataupun tuntutan yang kita buat yang telah disahkan oleh *Project Director* atau *Supervising Officer*. So pada 24 Mac 2015, dokumen-dokumen yang lengkap itu telah dikemukakan kepada *Al-Hidayah*. Dalam hal ini, kami berpandangan *cost of action* bermula apabila kita hantar 24 Mac 2015 dan *Al-Hidayah* tidak membuat atau enggan mencairkan bon. So kita start six years from 24 Mac 2015 ini Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini Juraidah, kalau ikut *on the screen* ini, kementerian mengemukakan Notis ada tiga- pada 25 Ogos 2010; 5 Oktober dan 1 November 2011. All these time tiga tarikh ini bank tidak mahu terima sebab *claim* itu yang ruang untuk tandatangan *supervisor* tidak ada, tidak dibuat dan pada 24 Mac only that is certified. Is it what you are saying?

**Puan Juraidah binti Abbas:** In short Yang Berhormat, untuk Notis pada 25 Ogos, 5 Oktober dan 1 November itu, kita hanya mengemukakan Notis tanpa ada butiran-butiran *detail...* [Disampuk] Letter, sorry. Kita take it as a notice walaupun dia dalam berbentuk surat. So kita tidak kepilkan all the detail kerosakan macam mana kita kira RM760,000 itu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sebab belum ditandatangani?

**Tuan Pengerusi:** Divisionlah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Bukan. Kita buat pemeriksaan bersama dengan kontraktor dengan pihak kementerian untuk *detail out* kerosakan itu dan jumlah itu hanya pada 16 hingga 18 Mac 2011. So that is why masa kita kemukakan 24 Mac 2015, kita dapat sertakan butiran-butiran itu. Itu adalah keperluan dalam kita hendak buat tuntutan bon.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** I know, yang tadi you cakap tidak ada *certification* tadi itu, bila *only be certified defects* itu? By supervisor.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Certified joint inspection pada 16 hingga 18 Mac 2011.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Lama itu.

**Tuan Pengerusi:** ...Masa itu pegawai yang diambil tindakan itu masih bertugas? Masa 2011 itu?

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Sudah tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada sudah?

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Sudah tidak ada.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** So in the end, siapa yang *certified all the* kerosakan, tahun bila dan siapa?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, ia telah disahkan oleh agensi pelaksana iaitu BPKP yang diwakili oleh Kapten Ahmad Sabli bin Mat Hashim, Pasukan Pengguna iaitu Kapten Nor Salehuddin Shah bin Othman dan juga wakil tentera darat iaitu Quartermaster Sergeant Abdul Halim bin Ramli berserta wakil syarikat iaitu Maharis Winfil bin Mohd Mahmud.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Bila?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Pada 16 hingga 18 Mac 2011.

■1200

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, tentera di Malaysia ini dia ada membuat kerja yang baik berapa tahun ini tetapi dengan tiga anggota yang terlibat ini apakah tindakan tentera? Ini kerana tentera memang dia ada disiplin. Apakah tindakan pihak tentera terhadap tiga anggota ini?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Anggota-anggota ini tidak terlibat. Dia hanya mengesahkan kerosakan-kerosakan itu seperti yang diperlukan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Akan tetapi yang terlibat itu siapa?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang terlibat pegawai awam, tiga orang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jadi dengan projek tentera ini orang tentera tidak terlibat?

**Tuan Pengerusi:** Dia user.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Pengguna Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tenteralah hendak gunakan itu kemudahan ini tetapi orang tentera tidak terlibat?

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad [Ketua Pengarah (Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan) Kementerian Pertahanan]:** Yang Berhormat saya Brigedier Jeneral Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad, Ketua Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan. Organisasi saya ini mengira imej to JKR dan dalam projek ini agensi pelaksana ialah sayalah BBKP. Projek ini memang pelantikan semua sudah dibuat pada kontraktor, jadi saya dengan Perajurit Officer kita memantau projek. Apabila projek ini siap ada unsur-unsur untuk diserah menyerah. *That's why the three officers mention just now*, dia orang ini mewakili pengguna untuk mengambil alih.

Then pada masa ambil alih itulah *identify* ada kerosakan. Selepas *identify* kerosakan *the maintenance* bon tadi itu yang mana Bahagian Pembangunan untuk mencairkan tidak boleh. Di situdah isunya di sini. Jadi maknanya Yang Berhormat *mention about the three military officers* itu tadi dia orang ini mewakili pengguna untuk ambil alih dan mereka *identify*, oh lampu ini rosak. So daripada situ sepatutnya kerana masih lagi dalam *defect liability period* kontraktor dikehendaki untuk memperbaiki kerosakan-kerosakan tersebut sebelum diberahkan *completely* kepada pengguna.

So now dalam *period* inilah berlakunya insiden tadilah yang bon tidak dapat dicairkan. Itulah yang saya boleh maklumkanlah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dato' mesti terlibat daripada awal lagi?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** No, no tidak ada.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Itu lain.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Total lain ya.

**Tuan Pengerusi:** ...Ada teknikal tidak? Ada *your technical boys*? Bahagian Teknikal, berapa kerugian kepada kerajaan?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Tuan Pengerusi kerugian itu *actually is* dari segi bila syarikat tidak dapat membaiki kerosakan-kerosakan itu maknanya kita telah...

**Tuan Pengerusi:** ...Kemudian *you return* dia lagi harga naik lagi kan? Ha, itu kerugianlah itu. Selepas itu tidak dapat lagi, berapa.

**Dato' Zaiton binti Johari:** Kita tidak ada *retender* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak tender?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Tidak, tidak *retender*, tidak.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Tuan Pengerusi ini projek *land swap*, penswastaan.

**Tuan Pengerusi:** Oh, *land swap*.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Kita balas tanah pada dia.

**Tuan Pengerusi:** Sorry, sorry *land swap*.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi, Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Tuan Pengerusi tapi saya pilih untuk tidak pakai *Mike*, boleh ya.

*[Perbincangan secara tanpa rekod]*

**Puan Juraidah binti Abbas:** Boleh saya responds to that?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Berhubung dengan tindakan kita membuat tuntutan kepada Al-Hidayah, kita sudah buat pada 24 Mac 2015 itu. Kita sudah kemukakan notis tuntutan kepada Al-Hidayah berserta dokumen untuk menunjukkan kerugian kita RM760,000 itu.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Maksud saya tindakan itu Tuan Pengerusi ialah tindakan perundangan, mahkamah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Mahkamah, ya. Kita akan ambil tindakan itu, kita akur.

**Encik Rosli bin Yaakub:** Sebenarnya LOFSA telah jelas tadi mengatakan bahawa bank ini ialah bank yang tidak aktif.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *On top of that* Tuan Pengerusi kalau tengok dalam Notis Tuntutan ini, *you all* bagi 14 hari sahaja untuk dia bayar RM760,000 ini. Ini para 4 ini sila ambil perhatian. *...Melainkan keseluruhan jumlah sebanyak RM760,000 yang disebut dibayar sepenuhnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan Notis ini tindakan mahkamah akan diambil terhadap pihak tuan tanpa sebarang notis*. Ini 14 hari from 24 Mac 2015.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Tuan Pengerusi, dalam hal ini kita dapat apabila kita membuat aduan kepada LOFSA pada November 2016, LOFSA tidak memberikan *feedback* atau jawapan bahawa *Al-Hidayah* ini tidak aktif dan sebagainya. Kita hanya dimaklumkan sebab- kita dimaklumkan oleh LOFSA secara verbal bahawa apa-apa tindakan kepada *Al-Hidayah that is between Al-Hidayah dengan LOFSA* dan tidak boleh dimaklumkan kepada kita. *That is internal between LOFSA and Al-Hidayah*.

So dalam hal ini sebab LOFSA sendiri tidak pernah maklumkan kita secara rasmi bahawa *Al-Hidayah* tidak aktif, jadi kita pun tidak tahu. Sebab itu kita pada dia...

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh itu, tidak boleh. Jawapan itu tidak boleh puan. Patutnya sudah lima tahun dulu *you* sudah prosidingkan, ambil tindakan mahkamah. Maknanya sudah dua tahun, dua tahun...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Kita terima MoF lagilah.

**Tuan Pengerusi:** Patutnya dua tahun, maknanya sudah kira mahkamah benda ini. *You* tidak pergi ke mahkamah, *this is your mistake* lah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Kita akan ambil tindakan Tuan Pengerusi. Kita akur dengan itu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Bagi saya, ini bukanlah satu percubaan ataupun *end attempt to fraud*. Boleh kata kesilapan, fasal dia rasakan *Al-Hidayah* ini *it's okay*, tetapi sekarang tidak okey rupanya.

**■1210**

Akan tetapi kita minta kalau boleh untuk menyelesaikan perkara ini pasal *any bank or institution whether there are not under BAFIA or LOFSA, they still have got to vest some amount of money into central bank. I want that money*, macam saya minta kalau boleh bantuan daripada Datuk Rosli bagi ada *contact* dengan LOFSA itu untuk membantu kita.

**Tuan Pengerusi:** Dia hanya boleh ambil bila ada perintah mahkamah. Tak ada perintah mahkamah makna kita lambatlah membuat itu. Kita boleh ambil duit itu apabila ada perintah mahkamah, tetapi kita lambat sudah dua tahun, kita masih tidak ambil tindakan mahkamah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Keperluan kepada LOFSA kita hendakkan kalau boleh diikuti dengan perbincangan Datuk Rosli bagi orang kata kita hendak menjernihkan keadaan. *We want back our money, that's all...*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Ataupun Yang Berhormat Jasin saman dulu *and then you negotiate-lah. Nanti you lack surat limitation.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sudah janji 14 hari kan, jadi ini buatlah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** *Immediately* kita akan ambil. Ya, ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Tuan Pengerusi, *you know Kausar ini the same company in Johor buat Majidee Camp ya.*

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Yes Sir.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *Allahuakbar.*

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Ini adalah *background.*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Sikit sahaja Tuan Pengerusi. *Just I want to get the feedback mungkin for record-lah daripada bahagian kementerian. Who design, who manage this contract, who supervise this construction everything.* Itu kita hendak tahu siapa yang sepatutnya *because of the management of this construction.*

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, untuk sebagai agensi pelaksana, kalau ikut proses dia kami menyediakan projek *brief* apa yang hendak dibuat. *The need statement* kita akan bincang dengan kontraktor. *And then* apabila sudah siap, barulah ke tender. Tender board ini minta maaflah saya tak terlibat kerana ada agensi lain yang buat *and then* apabila Sijil Setuju Terima telah diberikan kepada saya, saya akan lantik pegawai saya pegawai projek *and my team* untuk monitor projek ini daripada mula hingga akhir iaitu peranan...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *So the management, the preparation of the tender document termasuklah bank mana, bank itu bayar bon dan sebagainya, bank guarantee siapa manage semua ini.*

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, itu bukan peringkat sayalah. Ini kementerianlah. *I'm not the contract manager.*

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Tuan Pengerusi saya boleh tambah sikit minta tambah sikit fasal kontrak ya Tuan Pengerusi, ini merupakan memandangkan ini merupakan projek penswastaan ia di bawah pada masa tersebutlah. Tahun 1997 ia merupakan di bawah EPU, so dari segi *template* kontrak dan juga pihak yang menyemak kontrak ini adalah merupakan *template* dari pihak EPU jika tak silap saya dan pihak yang menyemak adalah kita kemukakan draf kontrak kepada Jabatan Peguam Negara. Dan juga kita sudah semak kontrak ini juga turut ditandatangani oleh pihak wakil Kementerian Kewangan iaitu Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd..

**Tuan Pengerusi:** Nampaknya peluang untuk *recover* susah nampaknya. *Because you* lambat sangat *proceeding you*. Sudah dua tahun *you* masih tak ke mahkamah. Hanya mahkamah boleh perintahkan kalau mahkamah tidak boleh perintahkan, dia tak boleh keluar ke Bank Negara duit itu. Bila ada perintah mahkamah baru boleh. Kalau sebelum pindah- bank itu pun bankrap habislah tak adalah. Kalau bank itu bankrap habislah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Kita akan failkan tuntutan terhadap dia di mahkamah, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat?

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Tuan Pengerusi, saya berpandangan bahawa mungkin masalah bukan sama ada bank ini dia aktif atau tidak. Kalau kita berurusan berurus niaga dengan sebuah bank yang daftar di Labuan, mungkin dia cukup aktif tetapi akhirnya enggan hendak mencairkan bon. Kita pun tidak boleh buat apa-apa. Saya lihat keseluruhan untuk menjamin kerugian dengan kerajaan, mungkin perkara ini harus dibawa dan diangkat untuk perhatian AG supaya kesemua perjanjian-perjanjian kerajaan dengan pihak kontraktor bila kita berbicara dengan institusi kewangan sama ada dia di bawah BAFIA ataupun LOFSA, kepentingan kerajaan harus dijamin. Terima kasih.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, berhubung dengan keperluan bahawa perjanjian ini perlu menjaga kepentingan kerajaan saya pasti berdasarkan *klausa-klausa* itu sudah cukup untuk menjamin kepentingan kerajaan. Cuma dalam hal ini, kekangan yang kami hadapi adalah apabila bank itu sendiri enggan mengambil tindakan untuk mencairkan bon itu untuk kes ini.

**Tuan Pengerusi:** Kerja siap, sudah pakai. Cuma itu sahajalah kita kerugian dari segi RM760,000 sahajalah. Kalau kita dapat ini okeylah, tak dapat itu maknanya rugilah kerajaan. Untuk dapat saya nampak- takut bank itu sendiri bankrap.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Tuan Pengerusi, untuk tindakan menuntut kerugian ini, kita bukan sahaja menuntut ke atas bank. Sebenarnya kita berkontrak dengan pihak kontraktor. *That's why* bila syarikat kontraktor ini telah digulung pada tahun 2012, kita telah memfailkan POD dengan Jabatan Insolvensi Malaysia. Itu adalah- kita sudah ekzos kita punya tindakan ke atas syarikatlah dengan memfailkan POD.

**Tuan Pengerusi:** Syarikat.

**Datuk Liang Teck Meng:** Tetapi kontraktor pun sudah gulung. Mana saya lihat jumlah bon yang ada dengan bank ini sebenarnya ada lebih daripada RM700,000. 3 juta kan kalau tak silap saya.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Bon selenggaraan memang jumlah dia RM3.3 juta, Yang Berhormat.

**Datuk Liang Teck Meng:** So makna kalau syarikat sudah gulung, akhirnya duit ini akan ke mana?

**Tuan Pengerusi:** Dia kalau pergi ke mahkamah sebab prosiding mahkamah penting. Mahkamah akan tentukan, bila syarikat gulung maknanya berapa hak kita. Katalah 2, 3 juta hak kita katalah *2 million*, *2 million*-lah dekat kita. *1 million* dibayar siapa lagi pemegang amanah. Amanah Raya akan tentukan. Ya *lawyer* Yang Berhormat Kota Bharu?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Insolvensi.

**Tuan Pengerusi:** Bukan Amanah Raya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya hendak tanya LA, apa komen insolvensi bila *you fail POD for 760*, apa respons daripada Insolvensi?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Okey apabila kita memfailkan POD, Jabatan Insolvensi telah menjawab dia telah menerima tuntutan kita sebanyak RM760,000. Walau bagaimanapun mermandangkan baki aset syarikat pada masa itu hanya 2,700 lebih, jadi dia tidak boleh membuat sebarang perisytiharan dividen. Maknanya dia tak boleh bagi kepada kitalah sebab aset itu terlampau sikitlah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Itu aset dia kita fahamlah aset *company*. Macam tadi sahabat saya tanya tadi bon dia itu *3.3 million*. Sepatutnya *when you file proof of that* dengan *insolvency for 760,000*, bolehkah *Al-Hidayah* ini dia masukkan 760 itu kepada Insolvensi *in order to pay back to kementerian*. Adakah di ambil tindakanlah perkara itu?

## ■1220

**Puan Juraidah binti Abbas:** Kalau tidak silap saya Yang Berhormat masa kita failkan POD kita ada kemukakan juga salinan bond itu. So, untuk sama ada bond itu akan diambil kira dan di masuk sebagai aset syarikat yang itu adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Insolvensi untuk menyemak baki aset-aset syarikat yang masih ada. Saya percaya sebab bond ini di bawah *Al-Hidayah* sebab itu ia tidak dimasukkan sebagai sebahagian aset syarikat. Itu pandangan saya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Yalah. Adakah itu pengesahan daripada pegawai insolvensi itu sendiri? Jabatan Insolvensi. Tak akan hendak harapkan di ambil tindakan. Kita tidak ambil tindakan di pihak kementerian.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Okey.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Lagipun kementerian ini, kementerian kerajaan. Insolvensi pun kerajaan. Kenapa tidak boleh *sort out* benda ini?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Cuma apa yang Insolvensi minta kita hari itu adalah untuk memberikan butiran berhubung tanah balasan yang kita telah pindahkan bagi tujuan perjanjian ini. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas yang kita terima. Tanah-tanah balasan itu telah dipindahkan kepada pihak ketiga. Jadi, kita tidak boleh hendak mengaitkan tanah itu sebagai aset-aset yang boleh ditengok oleh Insolvensi sebagai aset syarikat.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Ini ada soalan satu Tuan Pengerusi kepada pihak Puan Juraidah. Biasanya kan kalau konsep, kalau *re-tender all these thing the government also called after that*, kita *charge* juga kepada kontraktor yang tadi inikan. Sebab tidak menyiapkan projek. *In this case*, di mana kerosakan tidak dibaiki kita tidak dapat balik duit kita, kerajaan kena buat tender baru, *a new tender* untuk membaiki projek. Apakah kerajaan juga menuntut daripada kontraktor untuk pembayaran ini mengganti balik ini. Sebab kerja tidak dapat disiapkan.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Itulah jumlah, okey. Yang Berhormat, itulah jumlah dia RM760,000 itu. Itulah kerosakan. Itulah jumlah yang kita tuntut daripada syarikat. Untuk kontrak senggaraan bagi kerja-kerja yang dibaiki, dia termasuk untuk kerosakan dan juga senggaraan. Itu jumlah dia...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Macam mana boleh bond RM760,000 itu sama sahaja nilai rosak. *How do you calculate* boleh sama?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Tuan Pengerusi, bond itu RM760,000 *is the* Bon Senggaraan. Akan tetapi, jumlah kerosakan itu sebenarnya *actually* bukannya *one is to one* tidak ada. Kita akan nilai berapa kerosakan itu sebenarnya.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Berapa, *actual* berapa?

**Dato' Zaiton binti Johari:** *Actual* sekarang ini. *What we do is now* kita ada kontrak selenggaraanlah, selenggaraan bermasa.

**Tuan Pengerusi:** Satu lagi. Macam mana dia boleh pindah milik tanah projek itu tidak sempurna. *Another problem* lagi ini. Sekarang macam mana dia boleh pindah *land swap* bila projek itu tidak siap.

**Dato' Zaiton binti Johari:** Tuan Pengerusi...

**Puan Juraidah binti Abbas:** Okey. Yang Berhormat. Untuk pemindahan tanah dia tidak berkaitan dengan Bon Senggaraan ini. Berdasarkan kontrak, apabila pihak kontraktor mengemukakan *land bond*, tanah akan ditransferkan kepada pihak syarikat. Itu adalah syarat yang dinyatakan dalam kontrak.

**Tuan Pengerusi:** Oh, *that means it's very poor-* lah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya ini, berdasarkan kepada....

**Puan Juraidah binti Abbas:** Itu sekuriti kita *land bond* itu. Amaunnya sama dengan nilai tanah itu. Itu sudah *secure* kita Tuan Pengerusi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Saya hendak minta penjelasan. Ada *figure* yang dikemukakan, iaitu kontrak membaik pulih bilik-bilik penginapan serta kerja-kerja selenggaraan di Wisma Transit Kuala Lumpur telah diwujudkan berkuat kuasa 1 Oktober 2015 sehingga 16 Mac 2017, dengan nilai kontrak RM15.9 juta. Ini macam mana pula ini?

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat. Kita ceritakan tadi fasal bon tadi ya. *Maintenance bond* adalah RM3.3 juta. Apabila proses ambil alih tadi RM760,000 kerosakan pada ketika itu. Di mana kami pun tidak dapat. *From time to time, then* apabila Audit Negara masuk dan even sampai sebelum kita *createkan* kontrak yang baru ini, *that is the cost is about RM15 million*, keseluruhan. Ada tambah rosak sana, rosak sini.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Vandalisme pun ada? *Vandalism*.

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** *Vandalism* tidak ada, tidak ada. RM760,000 is the initial masa ambil alih. Proses ambil alih itu. *Maintenance bond* ada RM3.3 juta. Kita minta RM760,000 pada ketika itu. Akan tetapi, apabila 2008 habis bila Audit masuk 2014, jangka masa yang panjang makin adalah kerosakan-kerosakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Are you disputing the Audit punya calculation?

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** No. No. Bukan dispute Audit punya calculation.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Betullah. Betullah.

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Ya, betul memang betul.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** So, dari 2008 sampai 2017 berapa tahun ini daripada *less than RM1 million* sudah jadi RM16 million? Macam mana jadi macam itu?

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendirij] [Pembesar suara dimatikan]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tuan Pengerusi, bagi pendapat dan pandangan sayalah bukan pendapatan.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng:** Pendapatan lain.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Saya kalau pendapatan ini lain pula di laci, di 'boot' kereta itu lain. *Beside this thing, I believe the assessment on the RM760,000 anggaran sahaja. Normally, by the ordinary penjawat awamlah. Just say I says need little thing that know that details connecting to the kerosakan. So, I think the yang report eventually made by the Audit is true because its interconnected.* Kerosakan itu *interconnected* terutama sekali bab *wiring* misalnya, *interconnected because time takes so long*. Okey.

*So, what is the actually the witness on behalf of the Angkatan Tentera Malaysia (ATM) is that assessment, the full assessment before they write, before they refer it to the contractor. The full assessment they have to get a professional assessor of jumlah kerosakan sebenarnya. Without Audit*

*coming in the second stage. That is what I believe, Tuan Pengerusi. This is the witness kepada penjawat awam kita. Taking things for granted. I'm sorry, I have to use that.*

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Mr. Chairman.* Ini kepada pihak tentera. Saya hendak bertanya iaitu tentang bila ianya siap, bila hendak handing over you *find all these defectlah.* Then jadi you kemukakan kos hendak baiki RM760,000 lebih. Okey, *fine.* Jadi, apakah projek ini you *still accept and then di diam partial handing over*lah ertinya. Bukan sepenuhnya. Rosak ini tidak diambil alih dan yang siap digunakan. *Is that it?* Itukah yang berlaku?

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Tidak. Kita ambil semua Yang Berhormat.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Semua juga?

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Semua.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Okey, now.

■1230

Keduanya, saya hendak tanya mungkin RM15 juta ini bila sudah didiami biasalah bila sudah diguna ini rosak sana, rosak sini, kena air bilik air pecah sana sini rosak. Saya rasa- *maybe I'm wrong but*, apakah *maintenance contract* yang baru RM15 juta ini termasuk sebahagian yang rosak daripada yang sudah kena duduki.

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Betul sekali Yang Berhormat, semua sekali.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Kalau tidak ia tidak akan melonjak RM15 juta.

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Betul itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Tuan Pengerusi, *I just want to add little bit more with regard not regard with this* kerosakan. Soal pemilikan hak milik tanah tersebut, *land swap, normally they would not be able to transfer any property without a documented entitle.* That is to me impossible because normally yang buat ini dalam kontrak sahaja *they can overlap so many agreement, supplementary agreement, second supplementary agreement this cause like that.*

*So, this is sometimes happened especially when dealing with people who are pengamal undang-undang ini dia tahu ini, because they are lot supplementary which the authority does not know what going on, am I correct? Pihak ATM does not know about this because it's done by the legal circle.*

**Mej. Jen. Dato' Pahlawan Haji Abu Sufian bin Haji Ahmad:** Ya, Yang Berhormat. *I don't know because saya bukan contract manager. Saya implementer.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** Satu lagi kecuaian itu, *your legal section should be aware about this.*

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, ini pasal *land* itu kah, *land swap?* Okey, kalau Yang Berhormat tengok berdasarkan kontrak, saya rasa isu tanah tidak menjadi isu atau masalah dalam projek ini. Ini kerana apabila kerajaan, sebelum kerajaan mentransfer- memindah milik tanah itu

kepada kontraktor dia perlu mengemukakan *land bond*. *Land bond is good as a money lah kan, equivalent* kepada nilai tanah balasan yang kita hendak bagi itu.

**Seorang Ahli:** Berapa jumlah ?

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** RM66 juta.

**Puan Juraidah binti Abbas:** RM66 juta. Sama dengan harga kontrak.

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Sama dengan harga projeklah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Harga projeklah. Okey, *land bond* ini akan *valid* sampai CPC dikeluarkan. Dalam hal ini,...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh:** *We are not talking about land bond, whatever you refer to it. We are talking about penukaran hal milik. We are not talking about land bond here. You should understand between what are you saying and what I'm saying just now. That mean there is overlooked thing like that you should supposed to have known all this are going to happen.*

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat kalau saya boleh faham apa yang Yang Berhormat cuba sampaikan adalah dalam hal ini apabila kita dapat syarikat telah memberikan *land bond* proses pindah milik berlaku. Dia tidak bertentang dengan apa yang ada dalam klausula kontrak. Apabila tanah dipindah milik kepada kontraktor, kontraktor adalah *registered owner of the land* apabila pindah milik berlaku. Apa yang dia hendak pindah kepada hendak jual dan sebagainya itu adalah *right* dia as a *registered owner of the land*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Pada pendapat saya pula kalau kata *land in lend of the project but for any government land no transfer on the third parties, one. Number two, no charge to the bank*. Pasal apa sekarang *if I were to be given a contract, I got to deliver the job- you are giving me the land, okay. How could you transfer the land direct to me because I'm not delivered the job yet. The job has not completed yet and at the same time you asking me bond of RM60 millions. You asking me to pay twice.*

Kalau misal kata kita buat syarat, *this land cannot be transferred so long as the job is completed, okey and cannot be charged into third parties* tapi sudah charge.

**Dato' Zaiton binti Johari:** Tuan Pengerusi, mengenai ini memang sebelum ini selepas kita dapat banyak masalah kerajaan telah pun menyedari, macam projek ini dan ada beberapa projek lain di mana sebelum ini walaupun projek itu tidak siap kita sudah- *once you sign* dia punya kontrak, tanah itu sudah ditukar milik kepada syarikat. Now, sekarang ini tidak boleh lagi sudah. *This was before.*

**Datuk Liang Teck Meng:** Tuan Pengerusi, sama ada dulu boleh kah, sekarang tidak boleh kah, *I think it's not the issue*. Saya hendak tahu semasa cadangan ini dibentangkan *was there even a single worried from the ministry that-* mungkin kontraktor ini tidak habiskan kerja, tidak selesaikan kerja tetapi habis tanah saya ditukar milik ke *third parties*. *Was there any worried at that time.*

**Dato' Zaiton binti Johari:** Pada pandangan saya memang MinDef, kerajaan dan AG dan sebagainya memang kita pun- *we are very concern about this project. That's why we have the performance bond* itu nilai dia sama dengan nilai kontrak. Itu pegangan kita pada masa itu.

**Tuan Pengerusi:** Ada *performance bond*?

**Dato' Zaiton binti Johari:** *Performance bond* ada.

**Seorang Ahli:** RMM66 juta?

**Dato' Zaiton binti Johari:** Dia ada dua *one is performance bond, the other one is bon senggaraan, maintenance bond*.

Yang Berhormat boleh saya *add in*. *Performance bond* ini kalau CPC tidak dikeluarkan dia akan jadi *performance bond* lah. Bila CPC telah dikeluarkan dia kena kemukakan *maintenance bond*. Itulah menjadi isu *maintenance bond* memang dikemukakan RM3.3 juta. So, dia tidak ada isu *performance bond* dalam hal ini. Ini sebab kita sudah keluarkan CPC.

**Tuan Pengerusi:** Ya, kontraktor ini pandailah pusing macam mana cara. Memang orang pegawai kerajaan tidak ada pengalaman, tidak ada pengalaman hendak- kita *straight forward* sahaja.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** Mereka orang *business*.

**Tuan Pengerusi:** Itulah. *In conclusion* apa yang kita hendak buat. Kita tunggu ya, tunggu tindakan mahkamah kena buat tindakan mahkamah cepatlah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat kita akur dan terima kasih kepada *team PAC* ini atas cadangan itu, memang kita akan ambil pun, kita akan ambil dalam tempoh yang segera sebab *apart from that* kita rasa cadangan untuk Kementerian Kewangan mengkoordinasi mesyuarat dengan Kausar dan *Al-hidayah* pun kita boleh tengok juga tapi at *the same time* kita akan *proceed* dengan tindakan memfailkan di mahkamah ini dulu, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi Yang Berhormat ?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Just for interest* Tuan Pengerusi, a *performance bond* dia gunakan *Al-hidayah* juga kah atau lain?

**Tuan Pengerusi:** *Is a good question.* Dia selalunya *performance bond* ini dia gunakan insuranskan selalukan, Yang Berhormat. Ada separuh *company* dia menggunakan insuranskan.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Company* ini dia pakai apa ?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Ada *company* guna insurans, ada *company* guna *bank guarantee*.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** Yang ini ?

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang ini saya mungkin kena dapatkan bantuan daripada Bahagian Pembangunan.

**Tuan Pengerusi:** ...*Should be contract, not fair to ask askar mana dia tahu.*

**Puan Juraidah binti Abbas:** Bahagian Pembangunan bukan askar, askar kita BPKP.

**Tuan Pengerusi:** Bahagian Pembangunan siapa ?

**Encik Mohd Farid Syazwan bin Omar:** Tuan Pengerusi kami tidak dapat- kami akan bagi kemudian Tuan Pengerusi – bertulis.

**Tuan Pengerusi:** Sempat pergi *paper* kedua ini. Ada isu – banyak isu kah satu lagi ini? Esok tidak payah mesyuaratlah Yang Berhormat, macam mana? Kita teruskan.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, semua sembilan penemuan yang dibuat ini telah pun dimasukkan dalam kategori *dashboard*. Jadi *dashboard* kalau tengok *traffic light* itu ...

**Tuan Pengerusi:** *Green* lah.

**Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi:** *Green* semua, itu saya lihat yang dicatat.

**Tuan Pengerusi:** *Let Auditor explain.*

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. Sebelum itu, kena berikan maklumat-maklumat yang diminta oleh PAC tadi. Bahagian Undang-undang, Bahagian Pembangunan, sila beri ya untuk kita masukkan dalam laporan kita nanti. Okey.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Yang Berhormat, satu sahaja bukan maklumat dia? *Performance bond* bukan sama ada...

**Tuan Pengerusi:** Tindakan ke mahkamah bila *you* buat.

**Puan Juraidah binti Abbas:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Semua sekali itulah.

**Puan Juraidah binti Abbas:** *Noted.*

**Tuan Pengerusi:** Bila *hearing*, *at least...*

*[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.40 tengah hari.]*